


PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/06/2012

# Anwar sedia disiasat dakwaan RM3 billion

KUALA LUMPUR 20 Jun - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim (**gambar**) hari ini menyatakan kesediaan untuk disiasatberhubung dakwaan mengawal 20 akaun induk berjumlah RM3 billion ketika beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.



Malah beliau menyatakan komitmen untuk tidak menghalang pihak berkuasa membuat siasatan semula jika wujud bukti-bukti barn membabitkan dakwaan berkenaan.

"Saya akanberi kerjasama. Kalau ada bukti lain dikemukakan, saya

tiada masalah," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 di Dewan Rakyat di sini.

Baru-baru ini, bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid mendakwa Anwar mengawal sebanyak 20 akaun induk membabitkan

aset, saham dan wang yang keseluruhannya bernilai RM3 billion.

Anwar berkata, pendedahan beberapa individu berhubung pemilikan RM3 billion itu adalah satu bentuk dakwaan 'kitar semula' dengan akaun bersumpah yang dibuat

oleh bekas Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ketika itu jelas menunjukkan siasatan kes berkenaan ditutup kerana tiada jces.

Sementara itu, Anwar pada sidang akhbar di lobi Parlimen menegaskan dakwaan terhadap pemilikan 20 akaun itu adalah tidak berasas sama sekali.

"Soal RM3 billion ini dibangkitkan oleh media UMNO...TV3, RTIH (Radio Televisyen Malaysia), ftusan (*Utusan Malaysia*). Nampak (ia) diulang kitar. Saya kata ya siasat, tiada masalah semua akaun," jelasnya.

Kepada soalan sama ada beliau akan mengemukakan bukti bagi menafikan dakwaan berkenaan,

Anwar bagaimanapun mempersoalkan mengapa beliau yang dituduh perlu membawa bukti tersebut.

"Kalau saya tuduh saudara curi wang, boleh tak bagi bukti? Maknanya kamu pula kena cari bukti Sekarang ini BPR kata tak ada asas Pergi tanya BPR, Anda rogol orang. adakah anda kena cari bukti anda rogol siapa?," soalnya.

Terdahulu ketika membahaskan rang undang-undang berkenaan, Anwar berterusan mempersoal tindakan kerajaan yang sentiasa membawa perbekalan tambahan di Dewan Rakyat untuk diluluskan.

Beliau kemudiannya menggunakan platform perbahasan itu untuk

menyalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang didakwa masih belum membersihkan senarai pemilih yang mencurigakan,

Perkara itu menarik perhatian Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang mencelah menyatakan senarai pemilih itu berkemungkinan individu yang sudah meninggal dunia.

"SPR kata mereka sedia untuk mengeluarkan nama itu tetapi perlulah dibawa kepada pihak berkenaan. Keluarga (si mati) laporkan kematian dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan memaklumkan kepada SPR. Barulah tindakan boleh diambil," tegasnya.